

DBKL bina saluran lencongan atasi banjir kilat

KUALA LUMPUR - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan membina satu saluran lencongan yang mampu mengalirkan air dari Sungai Bonus ke Tasik Titiwangsa sebelum disalurkan ke Sungai Gombak, sebagai langkah jangka panjang mengatasi masalah banjir di ibu kota, kata Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Ahmad Fuad Ismail.

Menurutnya, perkara tersebut su-

dah dipersetujui oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan ia akan dibawa ke Mesyuarat Kabinet.

"Bagi mengatasi masalah sama, DBKL juga akan membina kolam takungan di Air Panas dan setapak bagi memperlahankan air sungai yang masuk ke Sungai Bonus,"katanya.

Beliau ketika mengulas berhubung banjir kilat yang berlaku di Jalan Tun Razak, berhampiran Perpustakaan

Negara kelmarin berkata, kawasan berkenaan berada di kedudukan yang agak rendah iaitu tinggi beberapa kaki dari paras Sungai Bonus membuatkan berlaku limpahan akibat taburan hujan yang meningkat mendadak.

"Dalam keadaan biasa, ia dapat menerima 70 sahaja kerana Sungai Bonus akan melalui di bawah Jalan Tun Razak dan jambatan yang ada agak rendah.

"Jadi bila kedudukan taburan hujan meningkat sehingga 200, ia tidak dapat menerima dan mengakibatkan berlakunya banjir,"katanya.

Sementara itu, Menteri Wilayah persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin berkata, taburan hujan lebih dua kali ganda menjadi punca berlaku kejadian banjir kilat di beberapa kawasan di ibu negara kelmarin.